



Headline: Pensyarah kena tipu RM100,000
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 28 December 2019

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 13

Pensyarah kena tipu RM100,000

GOMBAK - Seorang pensyarah mengalami kerugian RM100,000 selepas ditipu sindiket Macau Scam didalangi dua lelaki yang menyamar sebagai pegawai pejabat pos dan anggota polis.

Ketua Polis Daerah Gombak, Asisten Komisioner Arifai Tarawe berkata, hasil siasatan awal mendapati, mangsa dihubungi seorang lelaki memperkenalkan diri sebagai pegawai pos yang mendakwa bungkusannya didaftarkan atas nama mangsa untuk dihantar dari Kpong ke Kota Kinabalu, Sabah ditahan berikutan mengandungi kad pengenalan dan kad bank milik orang lain.

Katanya, mangsa menafikan dia terlibat dengan kes itu namun suspek memintanya berhubung dengan pihak polis.

"Mangsa kemudian menerima panggilan daripada seorang lelaki memperkenalkan diri sebagai anggota polis daripada Bahagian Unit Tindakan Khas.

"Suspek memberitahu sedang menyiasat kes jenayah melibatkan mangsa dan meminta supaya pensyarah berusia 64 tahun itu tidak menceritakan hal

tersebut kepada sesiapa untuk mengelakkan ditangkap selain dikehendaki mematuhi Akta Rahsia Rasmi.

"Mangsa turut diminta menyerahkan butiran akaun bank serta jumlah wang dalam akaun," katanya kepada *Sinar Harian* di sini kelmarin.

Beliau berkata, pada 20 Disember lalu suspek sekali lagi menghubungi mangsa dan memintanya mengeluarkan kesemua wang berikutan pihak Bank Negara didakwa akan membekukan akaun bank mangsa.

"Bimbang dengan dakwaan suspek, mangsa mengeluarkan wang RM100,000 daripada satu akaun bank miliknya.

"Suspek arahkan mangsa masukkan wang tersebut ke dalam beg dan meninggalkannya di atas sofa buruk di tempat pembuangan sampah iaitu di luar kawasan institusi pengajian tinggi (IPT) tempat mangsa bekerja," katanya.

Beliau berkata, mangsa hanya membuat laporan polis selepas berasa hairan dengan apa yang berlaku. Kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan.